

NO. SOALAN : 186

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN :

YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik penuh bagi ketibaan pelancong asing ke Pulau Pinang pada tahun 2014 dan 2015, termasuk pelancong kesihatan dan perubatan, yang datang menerusi penerbangan terjadual, "chartered flights" dan kapal cruise. Apakah bilangan pelancong dan adakah jumlah hasil telah menurun.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Penginapan Hotel oleh Tourism Malaysia mengenai Jumlah Penginap Hotel (*Malaysia Hotel Guest*), negeri Pulau Pinang telah merekodkan seramai 2,879,899 orang penginap antarabangsa bagi tahun 2015. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 10.85% berbanding seramai 3,230,399 orang penginap antarabangsa pada tahun 2014. Penurunan ini adalah selari dengan penurunan jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia pada 2015 iaitu sebanyak 6.3%

Kerajaan juga mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai satu sektor perkhidmatan yang berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) telah melaporkan bahawa pada tahun 2015, negeri Pulau Pinang telah menerima seramai 325,548 orang pelancong kesihatan iaitu 38% daripada jumlah keseluruhan pelancong kesihatan. Manakala pada tahun 2014, seramai 318,969 orang pelancong kesihatan telah direkodkan di Pulau Pinang.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia tidak mengumpul maklumat mengenai ketibaan pelancong asing melalui penerbangan berjadual mengikut Negeri.

Berhubung dengan penerbangan khas (*chartered flights*), Negeri Pulau Pinang menerima sebanyak 8 penerbangan khas dengan seramai 1,363 penumpang pada tahun 2015 berbanding dengan 13 penerbangan khas dengan penumpang seramai 2,002 pada tahun 2014.

Mengikut rekod Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang menerima sebanyak 145 kapal cruise pada tahun 2015 dengan seramai 125,802 penumpang dan 137 kapal cruise dengan seramai 48,114 penumpang pada tahun 2014.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga tidak menyediakan maklumat mengenai jumlah pendapatan pelancongan mengikut negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN : 187

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai penuh bagi semua syarikat penerbangan berperkhidmatan penuh (*Full - Service Carriers*) yang akan memperbanyakkan kekalaan penerbangan serta syarikat bakal beroperasi di Malaysia di bawah Dasar Udara Terbuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi maksud rancangan untuk memperbanyakkan kekalaan serta mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Malaysia, ianya adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke destinasi-destinasi di Malaysia di bawah Dasar Langit Terbuka dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Mengadakan rundingan udara dua hala pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara asing;
- (ii) memasukkan semua destinasi-destinasi di Malaysia sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah Dasar Langit Terbuka di mana syarikat-syarikat penerbangan negara-negara dan asing dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana lapangan terbang antarabangsa di Malaysia ke destinasi-destinasi di negara-negara asing, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan
- (iii) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan termasuk syarikat *Full Service Carriers* (FSC) yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara yang dikendalikan oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.